

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]
TARIKH : 02 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 19

Y.B. PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan boleh mengkaji insentif cukai kepada syarikat yang menerima ibu yang ingin kembali bekerja setelah bersalin untuk menggalakkan penyertaan tenaga kerja wanita dalam sektor swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019, Kerajaan telah bersetuju melanjutkan permohonan galakan cukai kepada golongan wanita yang kembali bekerja setelah berhenti kerja secara sementara (*career break*) sehingga 31 Disember 2023. Galakan ini disediakan kepada wanita yang telah berhenti kerja untuk tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun atas sebab-sebab seperti menjaga ibu bapa atau anak. Galakan cukai pendapatan yang disediakan ialah pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya ke atas penggajian yang diterima wanita tersebut untuk tempoh maksimum 12 bulan berturut-turut.

Galakan cukai ini boleh dipertimbangkan kepada wanita yang ingin kembali bekerja setelah bersalin dengan syarat perlu mematuhi keperluan insentif seperti telah berhenti sepenuhnya (terputus hubungan majikan - pekerja) untuk tempoh sekurang-kurangnya 2 tahun.